

Sukatan pelajaran tidak diambil dari Taiwan

KUALA LUMPUR 13 Julai - Persatuan Gabungan Jawa-tankuasa Sekolah Cina (Dong Zong) dan Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong) menyangkal dakwaan sesetengah pihak bahawa sukatan pelajaran bagi Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) diambil dari Taiwan.

Dong Zong dan Jiao Zong dalam satu kenyataan bersama menegaskan, sukatan pelajaran UEC mematuhi dan selaras dengan sukatan pelajaran yang ditetapkan Kementerian Pendidikan sekali gus membuktikan dakwaan sesetengah pihak bahawa pengiktirafan UEC akan menjejaskan perpaduan adalah tidak benar.

Jelas kenyataan tersebut, dakwaan berkenaan harus diperbetulkan supaya tidak memberi tafsiran salah kepada orang ramai apatah lagi setiap mata pelajaran UEC ditulis mengikut standard kurikulum dan garis panduan dasar pendidikan kerajaan serta pendidikan peringkat menengah antarabangsa.

"Sebagai contoh, mata pelajaran Sejarah dalam UEC mengandungi 57.36 peratus sejarah Malaysia dan 42.64 peratus sejarah dunia, ini bermakna lebih separuh isi kandungan mata pelajaran berkenaan dipelajari pelajar UEC ialah sejarah negara.

"Kami juga berpendapat kerajaan Pakatan Harapan seharusnya melihat isu pengiktirafan UEC ini daripada segi pendidikan dan berasaskan pencapaian akademik, supaya dapat diselesaikan secara pragmatik, profesional dan rasional," kata kenyataan itu hari ini.

Kontroversi melibatkan UEC timbul apabila kerajaan negeri Melaka mengiktiraf UEC sebagai syarat kelayakan membolehkan memasuki perkhidmatan awam negeri itu yang telah mencetuskan bantahan pelbagai pihak.

Ejen pemusnah perpaduan rakyat

KUALA LUMPUR 13 Julai - Pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) yang sama sekali tidak mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan dilihat hanya akan melebarkan jurang pemisah kaum di negara ini.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pengiktirafan UEC yang dianggap sebagai ejen pemusnah perpaduan rakyat itu dibimbangi akan membuka ruang kepada sijil-sijil lain yang membelakangi Dasar Pendidikan Kebangsaan dan akhirnya menyebabkan dasar itu tidak lagi dihormati kelak.

"UEC hanya pengiktirafan sendiri oleh pengetua dan pengelola Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan tidak sedikit pun termasuk di dalam perkara Dasar Pendidikan Kebangsaan. Ini kerana kertas peperiksaan disediakan oleh pengelola SJKC dan bukan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan.

"Hanya ada kertas bahasa

Melayu yang standardnya lebih rendah dari Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mata pelajaran lain kesemuanya dalam bahasa Mandarin, model yang diambil dari Taiwan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Ismail Sabri berkata, penggunaan sepenuhnya bahasa Mandarin dalam UEC jelas membelakangi bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Sistem yang digunakan di Taiwan ini sama sekali tidak berada dalam sistem pendidikan negara yang mengangkat bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama. Untuk masa depan demi perpaduan dan bangsa Malaysia, satu bahasa mesti menjadi sasaran kerana bahasa menun-

jukan bangsa," katanya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, pengiktirafan serta keistimewaan yang diberikan kepada UEC ini tidak adil kepada pelajar lepasan SPM.

"Andai pengiktirafan ini berlaku, ia sekali gus membolehkan pelajar yang mempunyai kelulusan UEC mendapat pekerjaan di jabatan-jabatan kerajaan. Ini pasti akan memberikan saingan kepada pemegang SPM yang jelas menepati Dasar Pendidikan Ke-

bangsaan. "Oleh sebab ini lah saya juga melihat pengiktirafan UEC sebagai sebahagian daripada niat jahat beberapa parti politik Cina untuk menekan kerajaan Pakatan Harapan agar menghakis keistimewaan Melayu dan bumiputera secara perlahan-lahan," katanya.



ISMAIL SABRI

Beri implikasi buruk sistem pendidikan - GPMS

KUALA LUMPUR 13 Julai - Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) tetap menolak pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) yang mampu memberi implikasi buruk termasuk mengucar-ngacirkan sistem pendidikan sehingga hilang hala tuju dan masa depan.

Presiden GPMS, Zambri Mohd. Isa berkata, penolakan UEC bukan hanya disebabkan diurus tadbir pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Dong Zong, sebaliknya atas beberapa faktor yang perlu dipandang serius oleh pemerintah.

"Sekiranya UEC diterima dan diiktiraf oleh kerajaan, sudah pasti selepas ini mana-mana NGO boleh memperkenalkan sijil peperiksaannya sendiri kemudiannya kerajaan terpaksa menerima serta mengiktiraf sijil mereka bagi kemasukan ke universiti awam (UA) dan juga sektor awam.

"Selain itu, mereka yang menduduki peperiksaan UEC majoriti adalah terdiri daripada warganegara Malaysia. Maka sewajarnya sebagai seorang warganegara, mereka perlu dan mesti menguasai Bahasa Malaysia serta perlu memiliki pemahaman tinggi ten-



ZAMBRI MOHD. ISA

wan dengan alasan menjaga budaya mereka.

"Justeru, GPMS tidak akan berganjak sedikit pun dengan pendiriannya menolak UEC diiktiraf masuk ke UA dan sektor perjawatan awam atas soal kepentingan masa depan sistem pendidikan negara. "Hari ini di bawah kerajaan Pakatan Harapan atas nama Malaysia Baharu, Dong Zong sepatutnya lebih terbuka dan bersedia untuk membuat reformasi serta perubahan kepada sijil peperiksaan UEC," jelasnya

Tambah Zambri, Dong Zong boleh mengikut jejak langkah sijil peperiksaan sekolah agama yang ditransformasikan pada tahun 2000 selepas diurus tadbir pihak sekolah agama negeri dan kemudiannya diletakkan di bawah Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) yang sijil peperiksaan tersebut dikenali sebagai Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Jelasnya, Dong Zong boleh menyerahkan urus tadbir UEC kepada LPM tanpa menjejaskan asas UEC dan ditambah nilai mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan jika mereka benar-benar ikhlas demi masa depan Malaysia.

REAKSI

Wujudkan ketegangan antara kaum

"SEBAIK-BAIKNYA kerajaan Pakatan Harapan fokus menunaikan janji yang lebih penting dalam manifesto mereka seperti menurunkan harga minyak, hapuskan tol dan mansuhkan hutang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada tergesa-gesa memberi pengiktirafan kepada UEC. Kita tidak sepatutnya mengadakan sesuatu (iktiraf UEC) hanya sekadar untuk mengambil hati sesetengah pihak demi untuk mempertahankan kuasa sehingga akhirnya memberi kemudahan kepada perpaduan kaum."



MOHD. SHUKRI RAMLI
Pesuruhjaya Pas Perlis

"PEMILIHAN kemasukan (ke UKM) bukanlah hanya berdasarkan merit akademik semata-mata kerana kami juga mempunyai proses temu duga untuk melihat karakter pelajar dan tentunya penguasaan bahasa Melayu



yang baik, malah pelajar luar negara juga perlu mengambil kursus bahasa Melayu. UKM masih berpegang kepada tujuan asal penubuhan untuk memartabatkan bahasa Melayu walaupun selepas kelulusan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) diterima dalam syarat kelayakan kemasukan institut pengajian tinggi awam (IPTA)."

PROF. TAN SRI DR. NOOR
AZLAN GHAZALI
Naib Canselor UKM

"PELAKSANAAN UEC hanya disifatkan sebagai langkah terkebelakang kerajaan demi kepentingan tertentu. Jangan gadaikan sistem pendidikan hanya kerana politik dan cuba bersifat populis sedangkan salah satu matlamat sistem pendidikan adalah demi mewujudkan perpaduan kini - sudah tergelincir."



DR. MOHAMAD
SALEH RAHAMAD
Presiden Persatuan Penulis
Nasional Malaysia (Pena)

"KITA mendesak agar keputusan Ketua Menteri Melaka ditangguh sementara sebab isu UEC ini sangat sensitif, perlu dirungkai lebih lanjut dan diterangkan kepada rakyat supaya tidak timbul ketidaktenteraman antara rakyat nanti. Pada masa sama, kita mohon agar pihak kerajaan negeri mengeluarkan statistik sebenar berapa ramai lulusan UEC yang betul-betul hendak mendaftar untuk menjadi penjawat awam. Kita tidak mahu ada agenda lain."



DR. MUHAMMAD
AKMAL SALEH
Ketua Pemuda UMNO
Bahagian Jasin

"JIKA (UEC) diiktiraf semata-mata hendak memenuhi kehendak pilihan raya dan kaum minoriti tetapi majoriti rakyat tidak bersetuju bererti kerajaan sendiri mewujudkan ketegangan antara kaum. Pemimpin dan pihak yang mahu sangat mengiktiraf UEC tanpa ambil kira Dasar Pendidikan Kebangsaan, Perlembagaan Persekutuan dan sebagainya saya anggap mereka sebagai pemimpin tempoyak."



DATUK DR. IBRAHIM ALI
Bekas Presiden Pertubuhan
Pribumi Perkasa Malaysia